

Ruj Kami : JANM.PRK.600-1/1/1 (21)

Tarikh : 25 Mac 2025

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

ARAHAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2025

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat Kementerian Kewangan Malaysia kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia, MOF.NBO(R)600-8/2/35 JILID.2 (7) bertarikh 21 Mac 2025 - Bantuan Khas Kewangan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2025, surat Jabatan Perkhidmatan Awam, JPA.800-3/2/4 (52) bertarikh 21 Mac 2025 - Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2025, serta Soalan Lazim Bantuan Khas Kewangan Aildilfitri Tahun 2025 rujukan JPA.800-3/2/4 (53) adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pembayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2025 berjumlah RM500.00 akan dibayar kepada pegawai awam Gred 15 dan ke bawah (setara Gred 56 dan ke bawah) termasuk pegawai/ kakitangan lantikan kontrak (*Contract for Service, Contract of Service* dan lantikan MySTEP). Bayaran BKKA Tahun 2025 ini akan dibayar pada **27 Mac 2025 (Khamis)**.

3. YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan adalah bertanggungjawab menyemak teliti dan memastikan dokumen sokongan adalah lengkap serta mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Surat Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan JPA.800-3/2/4 (52) bertarikh 21 Mac 2025 - Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2025.

4. Bagi bayaran BKKA Tahun 2025 melalui Sistem Emolumen Berkomputer, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan perlu mengambil tindakan dan perhatian berhubung perkara berikut:

- i. Menyemak Laporan Penerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri tahun 2025. Pegawai yang tidak layak hendaklah dikeluarkan daripada laporan tersebut;
- ii. Mengemukakan Laporan Penerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri tahun 2025 yang telah disahkan kepada Pejabat Perakaunan; dan

iii. Mengutip semua amaun yang telah dibayar kepada pegawai yang tidak layak menerima BKKA tahun 2025 dengan kaedah seperti berikut:

- a) Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memangku, dipinjam/ tukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama/ Gred Khas adalah tidak layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025. Tindakan pemotongan secara sekaligus hendaklah diambil bagi bayaran emolumen bulan berikutnya bagi pegawai yang masih berkhidmat;
- b) Kutipan tunai atau kutipan secara *Electronic Fund Transfer (EFT)* hendaklah dibuat daripada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meletak jawatan/ berhenti/ ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam sebelum atau pada 27 Mac 2025; dan
- c) Kutipan secara *Electronic Fund Transfer (EFT)* hendaklah mematuhi prosedur yang telah diedarkan melalui Surat Edaran Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) Bil 12 Tahun 2022 – Garis Panduan Pengurusan Terimaan Secara *Electronic Fund Transfer (EFT)* ke Akaun Terimaan Pejabat Perakaunan. Pegawai yang membuat bayaran bertanggungjawab memastikan perihal rujukan bayaran dinyatakan dengan jelas selaras dengan surat edaran berkenaan.

5. Sementara itu melalui kaedah kedua, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan adalah diminta untuk mematuhi perkara berikut bagi pembayaran melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E):

- i. Menyediakan Arahan Pembayaran (Kew.330E), jenis dokumen - Invois Tanpa Pesanan Kerajaan (K2) berserta Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8) dan dokumen sokongan yang lain;
- ii. Memastikan pegawai awam yang dibayar melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E) menerima bayaran pada 27 Mac 2025 (Khamis); dan
- iii. Memastikan tiada keciciran dalam pembayaran kepada pegawai awam yang dibayar melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E).

6. Kod urus niaga yang perlu digunakan bagi BKKA Tahun 2025 adalah seperti berikut:

Kod Elaun (Payroll)	Kod Akaun	Perihal Kod
1072	B0117102	Bantuan Khas Kewangan Kakitangan Awam
1072	B0117202	Bantuan Khas Kewangan Pasukan Keselamatan
1072	B0229306	Pemberian Khas Pekerja Sementara atau Sambilan atau Yang Tidak Menyanggah Jawatan Tetap

7. Komitmen dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan ke atas perkara ini adalah dihargai bagi memastikan BKKA Tahun 2025 dapat dibayar dengan lancar. Sebarang pertanyaan mengenai BKKA Tahun 2025, sila rujuk kepada PIC Unit Gaji di Jabatan ini.


Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



(NOORAKMAR BINTI HUSSIN A.M.P, C.A.(M), CPA (Aust.))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Perak

E-mel : pneg_prk@anm.gov.my

Tel. : 05-246 2115